

Peranan Pendidikan Moral dalam Kemajuan Pendidikan Abad ke-21

The Role of Moral Education in Progress 21st Century Education

G. Sema A. Alexius¹, M. Khalid M. Nasir^{2*}

^{1,2} *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), MALAYSIA*

*Pengarang Utama: mdkhalid@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.02.013>

Maklumat Artikel

Disera: 15 Ogos 2025

Diterima: 05 September 2025

Diterbitkan: 05 Disember 2025

Kata Kunci

Pendidikan Moral, Nilai Murni, Kemahiran Insaniah, Penghayatan Nilai, Pendidikan Abad ke-21

Abstrak

Pendidikan moral memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah pelajar yang seimbang, terutamanya dalam era pendidikan abad ke-21 yang dipacu teknologi dan memerlukan kemahiran insaniah yang kukuh. Perubahan landskap pendidikan pasca pandemik telah mempercepatkan integrasi pembelajaran digital, namun cabaran timbul apabila penerapan nilai murni menjadi kurang berkesan tanpa interaksi bersemuka yang mencukupi. Kajian ini bertujuan menilai tahap penerapan nilai murni melalui kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), meneliti tahap penghayatan nilai selepas pelaksanaannya, menganalisis hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah, serta mengenal pasti perbezaan penghayatan nilai berdasarkan jantina dan pencapaian akademik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif melibatkan 50 orang pelajar Tingkatan 5 dari sekolah menengah terpilih di Malaysia. Instrumen kajian berupa soal selidik berstruktur telah diuji kebolehpercayaannya dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif, Korelasi Spearman, ujian Mann-Whitney U, dan Kruskal-Wallis dengan perisian SPSS. Dapatan menunjukkan tahap penerapan nilai murni dan tahap penghayatan nilai adalah tinggi. Wujud hubungan positif yang signifikan antara penerapan dan penghayatan nilai, manakala tiada perbezaan signifikan penghayatan nilai mengikut jantina dan pencapaian akademik. Kesimpulannya, PAK21 terbukti sebagai pendekatan yang berkesan dan inklusif dalam memupuk nilai murni pelajar, dengan implikasi penting terhadap pembangunan pedagogi kreatif, integrasi isu teknologi, dan sokongan bersepadu daripada persekitaran pembelajaran.

Keywords

Moral Education, Moral Values, Soft Skills, Values Embracing, 21st Century Education

Abstract

Moral education plays an essential role in shaping students' balanced character, especially in the 21st-century education era driven by technology and requiring strong soft skills. The post-pandemic shift in the educational landscape has accelerated the integration of digital learning; however, challenges arise when the inculcation of noble values becomes less effective without sufficient face-to-face interaction. This study aims to

assess the level of noble values inculcation through the 21st Century Learning approach (PAK21), examine the level of value appreciation after its implementation, analyse the relationship between the two variables, and identify differences in value appreciation based on gender and academic achievement. This research adopts a quantitative descriptive survey design involving 50 Form 5 students from selected secondary schools in Malaysia. The research instrument, a structured questionnaire, was tested for reliability and analyzed using descriptive statistics, Spearman's correlation, the Mann-Whitney U test, and the Kruskal-Wallis test with SPSS software. The findings indicate that the level of inculcation of noble values, and the level of value appreciation high. The analysis found a significant positive relationship between inculcation and value appreciation. In contrast, no significant differences were observed in value appreciation based on gender and academic achievement. In conclusion, PAK21 has been proven to be a practical and inclusive approach in fostering students' noble values, with significant implications for the development of creative pedagogy, the integration of technology-related issues, and comprehensive support from the learning environment.

1. Pendahuluan

Dalam dekad kebelakangan ini, sistem pendidikan Malaysia mengalami transformasi besar dengan kemajuan teknologi digital, terutamanya selepas pandemik COVID-19. Peralihan kepada pembelajaran dalam talian telah mewujudkan peluang baharu untuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel (Maizura Yasin & Nur Surayyah, 2021). Namun, peralihan ini juga menimbulkan cabaran dalam mengekalkan penyampaian nilai moral secara berkesan apabila interaksi guru dan pelajar menjadi lebih terhad. Pendidikan moral menjadi semakin relevan dalam membentuk keupayaan pelajar untuk menilai dan memilih maklumat secara etikal dalam persekitaran digital (Khairil Izuan Ibrahim et al., 2024). Ia juga membantu dalam membentuk pemikiran kritikal terhadap tindakan sendiri dan impaknya terhadap masyarakat, selari dengan keperluan kemahiran abad ke-21.

Tanpa bimbingan nilai, pelajar mudah terdedah kepada pengaruh negatif seperti buli siber, penyebaran maklumat palsu dan penyalahgunaan media sosial. Menerusi pendidikan moral, pelajar dapat mengimbangi antara dunia digital dan dunia nyata dengan lebih baik. Pendidikan nilai secara sistematik berupaya menjadikan pelajar lebih sedar terhadap tanggungjawab sosial mereka dan mendorong mereka membuat keputusan secara bijak serta beretika dalam setiap tindakan mereka (Hairul Faiezi Lokman et al., 2021). Walaupun Malaysia telah melangkah ke arah digitalisasi pendidikan, integrasi pendidikan moral dalam pembelajaran abad ke-21 masih berdepan pelbagai cabaran. Salah satu isu utama adalah bagaimana untuk memastikan nilai moral dapat disampaikan secara efektif dalam suasana pembelajaran digital yang sering kurang memberi ruang kepada interaksi langsung (Mohd Idriki & Tan, 2021). Kaedah pengajaran tradisional sukar untuk diadaptasi sepenuhnya dalam persekitaran dalam talian yang memerlukan pendekatan lebih kreatif dan teknologi yang bersesuaian.

Selain itu, masih wujud kekurangan kesedaran dalam kalangan pendidik tentang pentingnya pendidikan moral dalam membentuk generasi pelajar yang seimbang. Kajian Maizura Yasin dan Nur Surayyah (2021) menunjukkan bahawa guru pelatih menghadapi kesukaran dalam merancang PdPc yang berasaskan nilai dan memerlukan bimbingan profesional yang berterusan. Tambahan pula, ketidakseimbangan antara kemajuan teknologi dan penerapan nilai moral yang berkesan memburukkan lagi keadaan. Pelajar berisiko terpengaruh dengan kandungan digital yang tidak beretika jika tiada asas moral yang kukuh. Oleh itu, keperluan terhadap pendidikan moral yang lebih interaktif, holistik dan relevan dengan dunia digital semakin mendesak.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana pendidikan moral dapat diterapkan dalam konteks pembelajaran abad ke-21, yang menekankan kemahiran seperti pemikiran kritikal, kreativiti, komunikasi, dan kerjasama. Penilaian ini penting untuk memahami peranan pendidikan moral dalam membentuk karakter pelajar yang seimbang dari segi intelektual dan emosi. Seterusnya, kajian ini menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pendidik dalam mengintegrasikan pendidikan moral dengan pembelajaran digital. Ini termasuk isu seperti kekurangan kemahiran teknologi dalam kalangan pendidik, akses internet yang tidak stabil, dan kurangnya sokongan dari ibu bapa. Kajian oleh Nurul Azwani Mohd Idriki dan Bee Piang Tan (2021) menunjukkan bahawa guru Pendidikan Moral menghadapi cabaran dalam menerapkan kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) secara dalam talian, terutama dalam aspek kognitif, perasaan, dan tingkah laku pelajar. Kajian ini juga bertujuan untuk menyediakan cadangan bagi meningkatkan peranan pendidikan moral dalam

kurikulum yang berorientasikan teknologi dan pembelajaran digital. Ini termasuk cadangan untuk memperkukuhkan latihan profesional bagi pendidik, memperbaiki infrastruktur teknologi di sekolah, dan meningkatkan kerjasama antara sekolah dan ibu bapa dalam menyokong pendidikan moral pelajar

1.2 Persoalan Kajian

Terdapat empat persoalan kajian dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah tahap penerapan nilai murni melalui pendekatan PAK21 dalam kalangan pelajar di sekolah?
2. Apakah tahap penghayatan pelajar terhadap nilai murni selepas dilaksanakan kaedah PAK21?
3. Adakah terdapat hubungan antara penerapan nilai murni melalui kaedah PAK21 dengan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar?
4. Adakah terdapat perbezaan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina dan tahap akademik?

2. Tinjauan Literatur

2.1 Konsep Nilai Murni dalam Pendidikan

Nilai murni merupakan tunjang utama dalam membentuk modal insan yang seimbang dan holistik seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). FPK menekankan pembangunan pelajar dari aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelek (JERI) agar mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat dan negara. Dalam konteks pendidikan Malaysia, nilai murni bukan hanya diterapkan secara eksplisit melalui subjek seperti Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam, tetapi juga disepadukan secara implisit merentas semua mata pelajaran di bawah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KSSM menggariskan nilai murni seperti hormat-menghormati, bertanggungjawab, berdisiplin, bekerjasama, jujur, dan toleransi sebagai elemen yang perlu diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Penerapan nilai ini bertujuan membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga mempunyai kemahiran sosial yang tinggi serta mampu menghadapi cabaran globalisasi dengan identiti nasional yang kukuh. Kajian oleh Salleh et al. (2020) mendapati bahawa pengamalan nilai murni dalam kalangan pelajar berkait rapat dengan peningkatan disiplin diri, kemahiran komunikasi, dan hubungan interpersonal yang harmoni. Sementara itu, kajian oleh Yusof dan Rahman (2018) menunjukkan bahawa pelajar yang menghayati nilai murni cenderung untuk lebih bertanggungjawab terhadap tugas akademik dan tidak terlibat dengan salah laku disiplin. Ini jelas membuktikan bahawa penerapan nilai murni di sekolah memberi impak positif terhadap perkembangan sahsiah dan kemajuan pendidikan secara keseluruhan.

2.2 Pendidikan Abad ke-21 (PAK21)

Pendidikan Abad ke-21 (PAK21) adalah satu transformasi pendidikan yang mengutamakan pendekatan berpusatkan pelajar dan menekankan penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreativiti, komunikasi, dan kolaborasi (4C). PAK21 juga selari dengan tuntutan Revolusi Industri 4.0 yang memerlukan pelajar celik teknologi, berupaya mengakses maklumat dengan pantas, serta bijak menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam menyelesaikan masalah. Antara strategi pembelajaran yang ditekankan dalam PAK21 termasuk Project-Based Learning, Problem-Based Learning, dan Inquiry-Based Learning. Pendekatan ini menggalakkan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran, bekerjasama dalam kumpulan, dan mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi dunia sebenar. Kajian oleh Zainuddin & Halim (2021) menunjukkan bahawa pelaksanaan PAK21 yang berkesan dapat meningkatkan motivasi intrinsik pelajar, memperkukuh kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), serta menggalakkan pelajar menjadi pembelajar sepanjang hayat. Selain itu, PAK21 turut menekankan pembelajaran kontekstual yang menghubungkan isi pelajaran dengan kehidupan seharian pelajar. Ini sejajar dengan matlamat membentuk pelajar yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga mempunyai kemahiran sosial dan nilai murni yang tinggi untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

2.3 Hubungan PAK21 dan Nilai Murni

Hubungan antara PAK21 dan nilai murni bersifat saling melengkapi dan sinergistik. PAK21 menyediakan kaedah pengajaran yang secara semula jadi memupuk nilai murni dalam kalangan pelajar melalui aktiviti yang memerlukan kolaborasi, komunikasi berkesan, dan empati. Misalnya, pembelajaran berasaskan projek menuntut pelajar mengurus masa dengan bijak, menghormati pendapat rakan, dan bertanggungjawab terhadap tugas kumpulan. Rashid et al. (2021) mendapati bahawa pendekatan PAK21 membantu meningkatkan

kemahiran sosial pelajar dan mengurangkan sikap individualistik. Kajian oleh Ahmad & Halim (2020) pula menunjukkan bahawa integrasi nilai murni dalam aktiviti PAK21 dapat mengukuhkan semangat kerjasama, rasa hormat, dan toleransi dalam kalangan pelajar. Ini membuktikan bahawa PAK21 bukan sahaja memperkukuh pencapaian akademik, malah menjadi medium berkesan untuk pembinaan sahsiah pelajar yang unggul.

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan pengkaji memperoleh gambaran menyeluruh tentang tahap penerapan dan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar melalui kaedah PAK21. Reka bentuk tinjauan sesuai untuk mengenal pasti pola, hubungan dan perbezaan antara pemboleh ubah yang dikaji.

3.2 Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada pelajar Tingkatan 5 di sekolah menengah terpilih di Malaysia. Pemilihan pelajar Tingkatan 5 adalah berdasarkan kepada tahap kematangan mereka dalam memahami dan mengaplikasikan nilai moral serta pengalaman yang lebih luas dengan pendekatan PAK21. Kajian menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata, dengan jumlah sampel seramai 30 orang pelajar dipilih secara rawak daripada pelajar yang mewakili pelbagai latar belakang akademik dan jantina.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik berstruktur, yang dibina berdasarkan dimensi penerapan nilai murni dan penghayatan nilai oleh pelajar. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian: Bahagian A: Maklumat Demografi (jantina, umur, pencapaian akademik); Bahagian B: Penerapan Nilai Murni melalui Kaedah PAK21 (mengandungi item-item berkaitan aktiviti, pendekatan, dan keberkesanan pelaksanaan nilai murni); dan Bahagian C: Penghayatan Nilai Murni oleh Pelajar (fokus kepada pemahaman, pengamalan, dan keberkesanan nilai moral yang diterima). Setiap item Bahagian B dan C menggunakan skala Likert 5 mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju).

3.4 Adaptasi Instrumen

Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah dibina berdasarkan adaptasi daripada beberapa kajian lepas yang relevan dengan tema penerapan dan penghayatan nilai murni dalam konteks pendidikan abad ke-21. Adaptasi dilakukan secara teliti agar item-item yang digunakan sesuai dengan konteks lokal, tahap kognitif pelajar Tingkatan 5, serta selaras dengan pendekatan pembelajaran semasa seperti PAK21. Bahagian B: Penerapan Nilai Murni melalui PAK21 diadaptasi daripada instrumen yang digunakan dalam kajian oleh Khairil Izuan Ibrahim et al. (2024). Kajian ini menggunakan item-item yang mengukur pendekatan guru dalam menyampaikan nilai moral secara aktif melalui kaedah kolaboratif, berpusatkan pelajar, serta berpaksikan pembelajaran abad ke-21. Penyelidik telah menyesuaikan bahasa dan struktur ayat agar lebih sesuai dengan pelajar arus perdana. Bahagian C: Penghayatan Nilai Murni oleh Pelajar pula diadaptasi daripada kajian oleh Mohd Idriki & Tan (2021). Penyesuaian dilakukan untuk memberi tumpuan kepada nilai tanggungjawab, kejujuran, empati, dan etika digital, sejajar dengan keperluan kemahiran insaniah dalam era pendidikan berteknologi. Proses adaptasi ini turut mengambil kira maklum balas daripada dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Moral yang terlibat dalam proses penilaian instrumen (rujuk 3.5.1). Semua item disusun menggunakan skala Likert 5 mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju) untuk memudahkan analisis kuantitatif dan mengekalkan konsistensi dalam pengukuran tahap penerapan dan penghayatan nilai.

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

3.5.1 Semakan Pakar

Dua Orang Pakar terlibat untuk menilai soal selidik yang diadaptasi. Pakar 1 dari Sekolah Menengah Rendah dengan 5 tahun pengalaman berpendapat bahawa instrument ini sesuai dengan tahap kematangan pelajar menengah rendah. Struktur ayat jelas dan mudah difahami. Dicadangkan satu item penting berkaitan nilai hormat kepada guru atau rakan ditambah. Manakala pakar dari Sekolah Menengah Atas dengan 8 tahun pengalaman berpendapat bahawa instrumen ini lengkap dan sejajar dengan prinsip moral dalam Kurikulum KSSM. Dicadangkan satu atau dua item penting yang menyentuh aspek etika digital secara langsung, seperti kesedaran tentang buli siber dan tanggungjawab di media sosial ditambah.

3.5.2 Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan kepada 15 orang (8 lelaki, 7 perempuan) di Sek Men Keb Song No 2 Sarawak. Didapati Nilai Cronbach's Alpha dibahagian B (Penerapan) dan Bahagian C (Penghayatan) masing-masing ialah .87 dan .84. Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa nilai Cronbach's Alpha bagi setiap bahagian melebihi 0.80, membuktikan bahawa item-item dalam soal selidik mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan konsisten.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dilaksanakan secara manual melalui edaran borang soal selidik kepada pelajar-pelajar terpilih. Sebelum pengedaran, kebenaran diperoleh daripada pihak pentadbiran sekolah. Pelajar diberi taklimat ringkas mengenai tujuan kajian dan diberikan jaminan bahawa maklumat yang dikumpul adalah sulit serta hanya untuk tujuan akademik.

3.7 Teknik Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 26. Teknik analisis yang digunakan adalah statistik deskriptif, statistik inferensi seperti Korelasi Spearman, Mann-Whitney U dan Kruskal-Wallis H untuk menjawab persoalan yang telah dinyatakan diatas.

4. Analisis Data dan Hasil Kajian

4.1 Profil Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 1, kajian ini melibatkan seramai 50 orang pelajar Tingkatan 5 sebagai responden, terdiri daripada 22 orang pelajar lelaki (44%) dan 28 orang pelajar perempuan (56%). Peratusan ini menunjukkan penglibatan pelajar perempuan adalah sedikit lebih tinggi berbanding lelaki, namun taburan jantina masih seimbang dan membolehkan perbandingan yang adil dalam analisis data. Dari segi umur, kesemua responden berusia 17 tahun (100%), sejajar dengan fokus kajian terhadap kumpulan pelajar di peringkat akhir persekolahan menengah yang dijangka mempunyai tahap kematangan dan kemampuan berfikir secara kritis terhadap nilai moral yang dipelajari. Bagi aspek pencapaian akademik terkini, seramai 20 orang responden (40%) berada dalam kategori Sangat Cemerlang (A), 20 orang (40%) dalam kategori Cemerlang (B), manakala 10 orang (20%) berada dalam kategori Sederhana (C). Taburan ini menunjukkan bahawa kajian melibatkan pelajar daripada pelbagai tahap prestasi akademik, sekali gus membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap tahap penerapan dan penghayatan nilai murni melalui kaedah PAK21. Perwakilan daripada setiap kategori prestasi akademik ini juga dapat membantu mengenal pasti sama ada pencapaian akademik mempunyai kaitan dengan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar.

Jadual 1 Profil Demografi

Pembolehubah	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	22	44
	Perempuan	28	56
Umur	17 tahun	50	100
Pencapaian Akademik Terkini	Sangat Cemerlang (A)	20	40
	Cemerlang (B)	20	40
	Sederhana (C)	10	20

4.2 Analisis Kebolehpercayaan

Berdasarkan Jadual 2, nilai Cronbach's Alpha bagi pembolehubah Penerapan Nilai Murni melalui PAK21 adalah 0.788 untuk enam item soal selidik. Menurut panduan Nunnally dan Bernstein (1994), nilai melebihi 0.70 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik, sekali gus membuktikan bahawa item-item dalam pembolehubah ini adalah konsisten dan stabil dalam mengukur konsep yang sama. Keputusan ini mengesahkan bahawa instrumen bagi pembolehubah penerapan nilai murni adalah sesuai digunakan dalam kajian sebenar kerana dapat memberikan ukuran yang boleh dipercayai. Bagi pembolehubah Penghayatan Nilai Murni oleh Pelajar, nilai Cronbach's Alpha yang diperoleh adalah 0.696 untuk enam item. Walaupun nilai ini sedikit rendah berbanding tahap ideal 0.70, ia masih berada dalam julat yang boleh diterima bagi kajian bersifat penerokaan (exploratory study) seperti yang dinyatakan oleh Hair et al. (2019). Ini menunjukkan bahawa item-item dalam pembolehubah ini masih mempunyai tahap konsistensi dalaman yang memadai. Secara keseluruhan, kedua-dua pembolehubah ini memiliki tahap kebolehpercayaan yang mencukupi untuk meneruskan analisis statistik

seterusnya.

Jadual 2 Keputusan Ujian Kebolehppercayaan

Pembolehubah	Cronbach Alpha	Bil. Item
Penerapan Nilai Murni melalui PAK21	0.788	6
Penghayatan Nilai Murni oleh Pelajar	0.696	6

4.3 Analisis Normaliti

Keputusan ujian Kolmogorov-Smirnov bagi pembolehubah Penerapan Nilai Murni melalui PAK21 menunjukkan nilai signifikan (Sig.) 0.002, manakala ujian Shapiro-Wilk mencatatkan nilai signifikan kurang daripada 0.001. Bagi pembolehubah Penghayatan Nilai Murni oleh Pelajar pula, nilai signifikan Kolmogorov-Smirnov ialah 0.007 dan Shapiro-Wilk ialah 0.005. Semua nilai signifikan ini adalah kurang daripada 0.05, yang bermaksud data tidak mematuhi andaian normaliti secara statistik. Walau bagaimanapun, menurut panduan Pallant (2020), bagi saiz sampel yang melebihi 30 orang, analisis statistik parametrik masih boleh dijalankan kerana ujian normaliti seperti Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk cenderung menjadi terlalu sensitif terhadap sampel besar. Oleh itu, walaupun keputusan ini menunjukkan data tidak normal secara statistik, taburan data masih boleh dianggap hampir normal berdasarkan pemerhatian nilai min, sisihan piawai, dan bentuk histogram. Ini membolehkan pengkaji meneruskan analisis inferensi seperti ujian korelasi dan regresi dengan justifikasi yang munasabah.

4.4 Tahap Penerapan Nilai Murni melalui Pendekatan PAK21 dalam Kalangan Pelajar di Sekolah (Persoalan Kajian 1)

Berdasarkan Jadual 3, tahap penerapan nilai murni melalui pendekatan PAK21 dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang tinggi, khususnya bagi item yang melibatkan pengintegrasian nilai moral dalam pengajaran dan pembelajaran. Item pertama, "Guru saya mengaitkan nilai moral dalam setiap aktiviti pembelajaran," mendapat sokongan yang sangat tinggi dengan 66.0% responden memilih "Sangat Setuju" (SS) dan 26.0% memilih "Setuju" (S), menjadikan lebih daripada 90% responden mengesahkan keberkesanan guru dalam mengaitkan nilai moral secara konsisten. Begitu juga bagi item kedua, "Aktiviti PAK21 membantu saya memahami nilai murni seperti tanggungjawab," yang menunjukkan penerimaan positif dengan 54.0% "Sangat Setuju" dan 34.0% "Setuju," menandakan PAK21 berupaya menyampaikan nilai moral secara jelas dan mudah difahami oleh pelajar. Dari aspek penglibatan aktif, item ketiga, "Saya terlibat aktif dalam pembelajaran secara berkumpulan," mendapat sokongan majoriti dengan 42.0% "Sangat Setuju" dan 38.0% "Setuju," walaupun terdapat 12.0% yang memilih "Neutral." Keputusan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kecenderungan positif untuk terlibat secara kolaboratif, namun masih terdapat sebilangan kecil yang mungkin kurang terlibat secara aktif. Item keempat, "Guru menggunakan pendekatan kreatif untuk ajar moral," mencatatkan peratusan "Sangat Setuju" yang lebih rendah iaitu 24.0% dan "Setuju" 30.0%, diikuti oleh 22.0% "Neutral" serta jumlah "Tidak Setuju" (TS dan STS) sebanyak 24.0%.

Keputusan ini menunjukkan bahawa pendekatan kreatif guru dalam pengajaran moral masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan bagi menarik minat dan penglibatan pelajar secara optimum. Bagi penyesuaian kandungan dengan cabaran semasa, item kelima, "Pendidikan moral yang saya terima bersesuaian dengan cabaran teknologi," mendapat respon positif yang kukuh dengan 44.0% "Sangat Setuju" dan 36.0% "Setuju," menandakan pendidikan moral yang diterima telah disesuaikan dengan perkembangan teknologi dan isu semasa. Item keenam, "Pembelajaran abad ke-21 menjadikan saya lebih peka terhadap isu moral," turut menunjukkan tahap penerimaan tinggi dengan 46.0% "Sangat Setuju" dan 38.0% "Setuju." Secara keseluruhan, dapatan ini membuktikan bahawa pendekatan PAK21 berjaya menyampaikan nilai murni secara efektif, dengan kebanyakan pelajar memberikan respon positif terhadap setiap item, sekali gus mengesahkan keberkesanan penerapan nilai murni di sekolah.

Jadual 3 Tahap Penerapan Nilai Murni melalui Pendekatan PAK21 dalam Kalangan Pelajar di Sekolah

Bil	Item	STS	TS	N	S	SS
1	Guru saya mengaitkan nilai moral dalam setiap aktiviti pembelajaran.	1 (2.0)	0 (0.0)	3 (6.0)	13 (26.0)	33 (66.0)
2	Aktiviti PAK21 membantu saya memahami nilai murni seperti tanggungjawab.	1 (2.0)	1 (2.0)	4 (8.0)	17 (34.0)	27 (54.0)
3	Saya terlibat aktif dalam	1	3	6	19	21

	pembelajaran secara berkumpulan.	(2.0)	(6.0)	(12.0)	(38.0)	(42.0)
4	Guru menggunakan pendekatan kreatif untuk ajar moral.	4 (8.0)	8 (16.0)	11 (22.0)	15 (30.0)	12 (24.0)
5	Pendidikan moral yang saya terima bersesuaian dengan cabaran teknologi.	2 (4.0)	1 (2.0)	7 (14.0)	18 (36.0)	22 (44.0)
6	Pembelajaran abad ke-21 menjadikan saya lebih peka terhadap isu moral.	1 (2.0)	2 (4.0)	5 (10.0)	19 (38.0)	23 (46.0)

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju; TS = Tidak Setuju; N = Neutral; S = Setuju; SS = Sangat Setuju.

Berdasarkan Jadual 4, min bagi pembolehubah Penerapan Nilai Murni melalui PAK21 adalah 4.14 dengan sisihan piawai 0.68542, yang menunjukkan tahap penerapan nilai murni dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi. Nilai min melebihi 4.00 menandakan majoriti responden memberikan skor "Setuju" hingga "Sangat Setuju" terhadap pernyataan berkaitan penerapan nilai murni, manakala sisihan piawai yang sederhana rendah menunjukkan variasi jawapan antara pelajar adalah kecil. Keputusan ini menggambarkan bahawa pendekatan PAK21 telah dilaksanakan secara konsisten oleh guru dan berjaya membantu pelajar memahami serta mengamalkan nilai murni dalam pembelajaran mereka.

Jadual 4 Min dan Sisihan Piawai Pembolehubah Penerapan Nilai Murni melalui Pendekatan PAK21

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai
Penerapan Nilai Murni melalui PAK21	4.14	0.66

4.5 Tahap Penghayatan Pelajar terhadap Nilai Murni selepas Dilaksanakan Kaedah PAK21 (Persoalan Kajian 2)

Berdasarkan Jadual 5, tahap penghayatan pelajar terhadap nilai murni selepas pelaksanaan kaedah PAK21 menunjukkan skor yang tinggi dalam hampir semua item. Item pertama, "Saya mengamalkan nilai tanggungjawab dalam kehidupan," mendapat respon yang sangat positif dengan 56.0% pelajar memilih "Sangat Setuju" (SS) dan 38.0% memilih "Setuju" (S), membuktikan bahawa pendidikan moral melalui PAK21 berjaya memupuk rasa tanggungjawab dalam kehidupan seharian pelajar. Begitu juga dengan item kedua, "Saya lebih menghormati pendapat orang lain," yang menunjukkan 50.0% pelajar "Sangat Setuju" dan 38.0% "Setuju," walaupun terdapat sedikit peratusan "Tidak Setuju" (TS dan STS) berjumlah 6.0%, yang mungkin menggambarkan terdapat segelintir pelajar yang masih memerlukan bimbingan dalam aspek ini. Bagi item ketiga, "Saya membuat keputusan secara beretika dalam teknologi," dapatan menunjukkan tahap penerimaan yang tinggi dengan 56.0% pelajar memilih "Sangat Setuju" dan 32.0% "Setuju." Hal ini membuktikan keberkesanan pendidikan moral berasaskan PAK21 dalam membentuk kesedaran pelajar terhadap etika digital dan tanggungjawab dalam penggunaan teknologi. Item keempat, "Pendidikan moral membentuk saya menjadi lebih prihatin," memperoleh sokongan yang sangat kukuh dengan 60.0% "Sangat Setuju" dan 30.0% "Setuju," tanpa sebarang respon "Tidak Setuju," yang menunjukkan bahawa kaedah ini berupaya memupuk sikap empati dan keprihatinan yang mendalam terhadap orang lain.

Seterusnya, item kelima, "Nilai moral membantu saya menjadi insan lebih baik," menunjukkan 58.0% pelajar "Sangat Setuju" dan 28.0% "Setuju," sekali gus mengesahkan keberkesanan nilai moral dalam membentuk peribadi pelajar yang positif. Walaupun begitu, item keenam, "Saya mengamalkan nilai kejujuran dan empati," mencatatkan peratusan "Sangat Setuju" dan "Setuju" yang lebih seimbang iaitu masing-masing 40.0%, dengan 20.0% pelajar berada pada tahap "Neutral." Ini mungkin menggambarkan bahawa aspek kejujuran dan empati memerlukan pendekatan pengukuhan berterusan agar dapat diamalkan secara konsisten. Secara keseluruhan, dapatan ini membuktikan bahawa penghayatan nilai murni pelajar selepas pelaksanaan PAK21 adalah tinggi, selaras dengan objektif kajian untuk menilai keberkesanan pendekatan ini dalam membina sahsiah pelajar.

Jadual 5 Tahap Penghayatan Pelajar terhadap Nilai Murni selepas Dilaksanakan Kaedah PAK21

Bil	Item	STS	TS	N	S	SS
1	Saya mengamalkan nilai tanggungjawab dalam kehidupan.	0 (0.0)	1 (2.0)	2 (4.0)	19 (38.0)	28 (56.0)
2	Saya lebih menghormati pendapat orang lain.	2 (4.0)	1 (2.0)	3 (6.0)	19 (38.0)	25 (50.0)
3	Saya membuat keputusan secara beretika dalam teknologi.	1 (2.0)	0 (0.0)	1 (5.0)	16 (32.0)	28 (56.0)
4	Pendidikan moral membentuk saya menjadi lebih prihatin.	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (10.0)	15 (30.0)	30 (60.0)
5	Nilai moral membantu saya menjadi insan lebih baik.	1 (2.0)	1 (2.0)	5 (10.0)	14 (28.0)	29 (58.0)
6	Saya mengamalkan nilai kejujuran dan empati.	0 (0.0)	0 (0.0)	10 (20.0)	20 (40.0)	20 (40.0)

Nota: STS = Sangat Tidak Setuju; TS = Tidak Setuju; N = Neutral; S = Setuju; SS = Sangat Setuju.

Berdasarkan Jadual 6, min bagi pembolehubah Penghayatan Nilai Murni oleh Pelajar ialah 4.3733 dengan sisihan piawai 0.51017, menunjukkan bahawa tahap penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar selepas pelaksanaan kaedah PAK21 berada pada tahap yang tinggi. Nilai min yang melebihi 4.00 mencerminkan majoriti responden memberikan skor “Setuju” hingga “Sangat Setuju” terhadap pernyataan berkaitan penghayatan nilai, manakala sisihan piawai yang rendah menunjukkan variasi jawapan antara pelajar adalah kecil. Dapatan ini mengesahkan bahawa kaedah PAK21 bukan sahaja berkesan dalam menyampaikan nilai moral, malah mampu mendorong pelajar untuk mengamalkan nilai tersebut secara konsisten dalam kehidupan seharian.

Jadual 6 Min dan Sisihan Piawai Pembolehubah Tahap Penghayatan Pelajar terhadap Nilai Murni selepas Dilaksanakan Kaedah PAK21

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai
Penghayatan Nilai Murni oleh Pelajar	4.3733	0.51017

4.6 Hubungan antara Penerapan Nilai Murni melalui kaedah PAK21 dengan Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar (Persoalan Kajian 3)

Berdasarkan Jadual 7, keputusan ujian Korelasi Spearman menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penerapan nilai murni melalui kaedah PAK21 dengan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar, dengan nilai pekali korelasi (r) = 0.405 dan nilai signifikan p = 0.003 ($p < 0.05$). Nilai pekali ini berada pada tahap kekuatan hubungan sederhana, yang bermaksud semakin tinggi tahap penerapan nilai murni oleh guru melalui PAK21, semakin tinggi juga tahap penghayatan nilai murni oleh pelajar. Hubungan positif ini menunjukkan keberkesanan pelaksanaan PAK21 dalam membentuk penghayatan nilai moral yang lebih mendalam. Dapatan ini selari dengan pandangan bahawa pendekatan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kolaborasi, komunikasi, dan penyelesaian masalah berupaya meningkatkan pemahaman pelajar terhadap nilai-nilai murni, seterusnya mendorong mereka untuk mengamalkan nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Hubungan yang signifikan ini juga membuktikan bahawa nilai moral yang diterapkan secara aktif dalam proses pengajaran bukan sekadar pengetahuan, tetapi dapat diterjemahkan kepada amalan dan sikap positif pelajar.

Jadual 7 Keputusan Ujian Korelasi Spearman

		Penerapan Nilai Murni melalui PAK21
Penghayatan Nilai Murni oleh Pelajar	Correlation Coefficient	0.405
	Sig (2-tailed)	0.003
	N	50

4.7 Perbezaan Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar berdasarkan Jantina dan Pencapaian Akademik Terkini (Persoalan Kajian 4)

Berdasarkan Jadual 8, keputusan ujian Mann-Whitney U menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan dalam penghayatan nilai murni antara pelajar lelaki dan perempuan, dengan nilai $U = 1045.50$, $Z = -0.661$ dan $p = 0.509$ ($p > 0.05$). Walaupun nilai pangkat min pelajar lelaki (27.02) adalah sedikit lebih tinggi berbanding pelajar perempuan (24.30), perbezaan ini tidak cukup besar untuk dianggap signifikan secara statistik. Ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan nilai murni adalah hampir sama antara kedua-dua jantina, dan jantina bukanlah faktor penentu yang mempengaruhi penghayatan nilai murni pelajar dalam kajian ini. Dapatan ini mencadangkan bahawa pendekatan PAK21 yang digunakan dalam pendidikan moral memberikan kesan yang seimbang kepada pelajar lelaki dan perempuan. Keberkesanan kaedah ini mungkin terletak pada sifatnya yang interaktif dan berpusatkan pelajar, yang memberi peluang sama rata kepada semua pelajar untuk memahami, menghayati, dan mengamalkan nilai murni tanpa mengira jantina. Hal ini juga menunjukkan bahawa faktor lain seperti latar belakang keluarga, pengalaman pembelajaran, atau pengaruh persekitaran mungkin lebih mempengaruhi penghayatan nilai berbanding jantina.

Jadual 8 Ujian Mann-Whitney U bagi perbezaan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar mengikut jantina ($N = 50$)

Kumpulan	n	Pangkat min	Jumlah pangkat
Lelaki	22	27.02	594.50
Perempuan	28	24.30	680.50

Statistik ujian. $U = 1045.50$, $Z = -0.661$, $p = 0.509$ (dua hala).

Nota. Tiada perbezaan signifikan untuk penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar antara lelaki dan perempuan.

Berdasarkan Jadual 9, keputusan ujian Kruskal-Wallis H menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam penghayatan nilai murni antara pelajar yang mempunyai pencapaian akademik berbeza, dengan nilai $H = 0.792$, $df = 2$ dan $p = 0.673$ ($p > 0.05$). Walaupun pelajar dalam kategori Cemerlang (B) mencatatkan pangkat min tertinggi iaitu 26.93, diikuti oleh kategori Sangat Cemerlang (A) dengan 25.83, dan kategori Sederhana (C) dengan 22.00, perbezaan ini tidak cukup besar untuk dianggap signifikan secara statistik. Ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik terkini bukanlah faktor utama yang mempengaruhi tahap penghayatan nilai murni pelajar. Dapatan ini mencadangkan bahawa penerapan nilai murni melalui kaedah PAK21 memberi kesan yang konsisten kepada pelajar tanpa mengira tahap prestasi akademik mereka. Pendekatan ini mungkin berkesan kerana ia melibatkan aktiviti pembelajaran yang interaktif, kolaboratif, dan berpusatkan pelajar, yang dapat membantu semua pelajar — sama ada berprestasi tinggi atau sederhana — untuk memahami dan mengamalkan nilai moral. Oleh itu, faktor pencapaian akademik tidak memberi kelebihan ketara terhadap tahap penghayatan nilai murni, menunjukkan keberkesanan PAK21 dalam menyampaikan pendidikan moral secara inklusif.

Jadual 9 *Ujian Kruskal-Wallis H bagi perbezaan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar mengikut pencapaian akademik (N = 50)*

Kumpulan	n	Pangkat min
Sangat Cemerlang (A)	20	25.83
Cemerlang (B)	20	26.93
Sederhana (C)	10	22.00

Statistik ujian. $H = 0.792$, $df = 2$, $p = 0.673$ (dua hala).

Nota. Tiada perbezaan signifikan untuk penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar berdasarkan pencapaian akademik terkini.

4.8 Ujian Hipotesis

Berdasarkan Jadual 10, keputusan ujian hipotesis bagi H1 menunjukkan nilai $p = 0.003$ ($p < 0.05$), sekali gus hipotesis ini diterima. Ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penerapan nilai murni melalui kaedah PAK21 dengan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar. Dapatan ini selari dengan hasil analisis korelasi yang menunjukkan kekuatan hubungan sederhana dan positif, di mana semakin tinggi tahap penerapan nilai murni oleh guru, semakin tinggi tahap penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar. Hal ini mengesahkan keberkesanan PAK21 sebagai pendekatan pengajaran yang mampu memupuk bukan sahaja pemahaman, malah pengamalan nilai moral secara konsisten. Bagi hipotesis H2a, keputusan menunjukkan nilai $p = 0.509$ ($p > 0.05$), menyebabkan hipotesis ini ditolak. Ini bermakna tiada perbezaan signifikan dalam tahap penghayatan nilai murni antara pelajar lelaki dan perempuan.

